

05 APR 2001

UIAM-rasmi

DR MAHATHIR AKAN RASMIKAN UIAM PADA 17 APRIL

KUALA LUMPUR, 5 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan kampus baru Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di Sungai Pusu, Gombak pada 17 April ini.

Reaktor UIAM Profesor Dr Kamal Hassan berkata kampus baru itu, yang terletak di kawasan seluas 272 hektar, menempatkan pejabat pentadbiran, fakulti dan hostel yang dapat menampung 17,000 pelajar.

Beliau berkata kampus UIAM itu dibina dengan kos RM650 juta dan membawa tema Taman Ilmu dan Budi dalam usaha menghapuskan tanggapan bahawa universiti menggambarkan ciri-ciri eksklusif dan elit.

"Kami memilih tema "taman" kerana persekitaran kampus ini bercirikan kesamarataan dan demokrasi. Oleh itu, taman ilmu dan budi bermaksud mendapatkan ilmu pengetahuan dengan disertai nilai-nilai moral dan budi," katanya pada sidang media di sini, hari ini.

Beliau berkata sempena perasmian kampus itu, UIAM akan menjadi tuan rumah sesi majlis eksekutif keenam dan persidangan am kedua Persekutuan Universiti-universiti Islam Dunia dari 15 hingga 19 April.

Para pelajarnya juga akan mengadakan satu karnival bagi menyambut hari bersejarah itu, katanya.

UIAM bermula di kampus Petaling Jaya, yang kini menempatkan pusat matrikulasinya, pada 1983 dengan 153 pelajar mengikuti kursus undang-undang dan ekonomi.

Kini, ia mempunyai 16,000 pelajar termasuk 6,000 yang mengikuti kursus matrikulasi.

Dr Kamal berkata bagi sesi Julai ini, UIAM akan mengambil 1,800 pelajar ijazah sarjana muda termasuk 1,000 dari pusat matrikulasinya, 300 lulusan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan 500 pelajar asing.

Katanya sebanyak 15 peratus pelajar ijazah sarjana muda UIAM adalah pelajar asing dan universiti itu bercadang menambah pengambilan itu kepada 20 peratus.

Beliau berkata UIAM juga merancang menubuh fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) yang kini menunggu kelulusan Kementerian Pendidikan.

Universiti itu kini mempunyai sembilan fakulti atau kulliyah termasuk Kulliyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, Kulliyah Ekonomi dan Sains Pengurusan, Kulliyah Perubatan, Kulliyah Kejuruteraan dan Kulliyah Pendidikan.

Kulliyah Perubatan terletak di kampus UIAM di Kuantan.

-- BERNAMA

HBM AHH NAK